



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Wong Kah Who appointed Seda chairman</u>	The Star	Rujuk lampiran 1
2.	<u>PBT digesa tutup kilang haram dekat Sungai Selangor</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 2
3.	<u>257 premis industri digempur JAS</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 3
4.	<u>JAS syor bangunkan loji rawatan sisa air bersepadu</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 4
5.	<u>Selat Johor perlu kaedah pemulihan semula jadi</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
6.	<u>8,936 aduan Meter Pintar di Melaka</u>	Utusan Kota	Rujuk lampiran 6
7.	<u>Impose High Pollution Tax on Firms</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Sembilan kes baharu dilapor</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 8

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
9.	<u>Jalan dekat tol Rawang tenggelam</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 9
10.	<u>Nelayan terjejas kupang semakin pupus</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 10
11.	<u>Teknologi Hijau Dalam Kehidupan</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 11



Akhbar Tempatan

12.	<u>8 pelajar, guru sesak nafas terhidu bau busuk</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 12
13.	<u>Kerajaan negeri dijangka guna khidmat pakar dalam, luar negara</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 13
14.	<u>Robot Mahir Kerja Rumah</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 14

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
<i>Tiada berita yang berkaitan</i>			

LAMPIRAN 1

THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 3
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

Wong Kah Woh appointed Seda chairman

PETALING JAYA: The Sustainable Energy Development Authority of Malaysia (Seda) has appointed Wong Kah Woh (pic) as its chairman effective July 1.

Wong is the Member of Parliament (MP) for Ipoh Timor and the vice-chairman (VC) of the Public Accounts Committee (PAC).

"Wong is the MP for Ipoh Timor, which has availed him the opportunity to provide his views, proposals and suggestions to policy formulation through his debates and speeches.

"Additionally, he has held the post of the PAC VC since 2018, with the responsibility of examining, studying and scrutinising government finances and the appropriation of the sums granted by Parliament to meet public expenditure," Seda said in a statement yesterday.

Wong is taking over the role of Seda chairman from Datuk Ahmad Fauzi Hasan, who has been serving as acting chairman since July 2018.

Prior to this, from 2008 to 2018, Wong was also the state assemblyman for Canning (Perak) and the chairman of the Perak State Assembly's PAC from 2008 until 2009.

In 2015, he was nominated as the 30th finalist of Ten Outstanding Young Malaysians, a project by the Junior Chamber International Malaysia or JCI Malaysia.

Wong has a law degree majoring in Civil and Islamic Laws from International Islamic University Malaysia.

He has 14 years experience in corporate and conveyancing practice.

LAMPIRAN 2

BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 9

TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

PBT digesa tutup kilang haram dekat Sungai Selangor

Kuala Lumpur: Kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** perlu mengenal pasti dan menutup semua kilang haram berhampiran Sungai Selangor, bagi mengurangkan risiko masalah pencemaran bekalan air dari pada berulang pada masa depan.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piapakaran, berkata tindakan drastik itu perlu diambil selepas lebih 1.6 juta pengguna dan penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur, terpaksa berdepan gangguan bekalan air bersih selepas empat loji rawatan air (LRA) di Sungai Selangor ditutup akibat pencemaran pada Jumat dan Ahad lalu.

"Kita kena tengok mungkin ada kilang haram yang menyebabkan pencemaran, maka PBT, kerajaan negeri dan JAS boleh mengarahkan supaya ditutup serta merta."

"JAS, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan PBT juga perlu membuat bancian dan mengenal pasti berapa banyak kilang sah di Selangor, yang berisiko menyebabkan pencemaran sungai atau sumber bekalan air mentah," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Piapakaran berkata, kerajaan negeri, PBT dan JAS juga wajar memindahkan atau menempatkan semula kilang atau tapak industri berisiko berhampiran sungai ke lokasi lain, yang lebih selamat dan jauh dari sumber bekalan air mentah.

Bagaimanapun, Piapakaran berkata, proses penempatan semula itu boleh dilakukan secara berperingkat selepas kajian terperinci dan tapak sesuai dikenal pasti oleh JAS bersama agensi lain, termasuk PBT dan LUAS.

"Kita tidak mahu kilang haram atau berisiko yang menjadi penyebab pencemaran sungai, di kawasan berhampiran sumber air mentah LRA," katanya.

Piapakaran juga menyambut baik tindakan pihak berkenaan wajar membuat laporan polis, kerana tindakan mensabotaj sumber bekalan air adalah satu kesalahan jenayah.

"Sebelum siasatan rapi dijalankan, saya berharap semua pihak berhenti memberi kenyataan yang menimbulkan keresahan orang ramai atau mungkin tidak tepat," katanya.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

257 premis industri digempur JAS

Johor Bahru: Sebanyak 257 premis industri di Pasir Gudang, sudah digempur dan diperiksa secara intensif sejak 21 Jun lalu oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pengarah JAS Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, berkata operasi berkenaan membabitkan anggota dari ibu pejabat JAS dan JAS Johor.

Bercakap kepada *BH* semalam, beliau berkata, ketika ini dua pasukan dikerah meneruskan operasi menggempur setiap hari selain operasi bersepadau dari semasa ke semasa membabitkan pelbagai agensi.

"Daripada 257 kilang diperiksa, 132 dikenakan kompaun mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tiga kertas siasatan sudah dibuka untuk tindakan pendakwaan, manakala 59 Notis Arahan dan 11 Perintah Tahan Operasi sudah dikeluarkan," katanya.

Sebelum ini, *BH* melaporkan ti-

ga kilang, termasuk kilang kimia haram beroperasi di sini, akan diseret ke mahkamah menjelang hujung bulan ini kerana melakukannya kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sementara itu, Wan Abdul Latiff berkata, rekod Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Pejabat Tanah Johor Bahru mendapati ada 18 kilang haram beroperasi di Pasir Gudang.

"JAS Johor sudah memeriksa secara intensif tiga daripada kilang itu, manakala pemeriksaan ke atas 15 lagi akan menyusul. Tiga kilang sudah diarah tutup, manakala 15 lagi akan dikenakan tindakan oleh MPPG dan Pejabat Tanah Johor Bahru.

"Tindakan itu adalah bagi kesalahan mendirikan kilang di kawasan rizab tanah kerajaan. JAS juga akan mengambil tindakan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.



3 kilang catat bacaan gas Methyl Mercaptan tinggi

JAS kenal pasti merentasi proses penyelihan 257 premis sejak 20 Jun

*Berita Medial & Penerbit Sdn Bhd
Johor Bahru, Johor Bahru, Malaysia
www.beritamedia.com.my*

Keratan akhbar *BH* Jumaat lalu.

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

JAS syor bangunkan loji rawatan sisa air bersepadu

Kuala Lumpur: Jabatan Alam Sekitar (JAS) mencadangkan supaya loji rawatan sisa air bersepadu dibangunkan bagi merungkai isu 16 sungai ‘nazak’ di sekitar Pasir Gudang dan Johor Bharu.

Ketua Pengarahnya, Norlin Jaafar, ketika menyuarakan cadangan itu, berkata infrastruktur berkenaan perlu dilengkapi teknologi bahan yang dapat bertindak balas bagi membersihkan bahan pencemaran air sungai seperti *activated carbon* (karbon diaktifkan).

Selain itu, katanya, operasi bersepadu membabitkan semua agensi berkaitan mengikut bidang tugas yang dipertanggungjawabkan, wajar dilaksana dalam usaha ‘memulihkan’ kualiti 16 sungai tercemar di dua daerah berkenaan.

“Kawalan meliputi semua aspek dari peringkat perancangan penempatan industri, penguasaan berterusan, pengawasan dan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar, juga perlu dipertingkatkan,” katanya kepada BH, semalam.

Norlin berkata, kemungkinan punca pencemaran adalah angkara pelepasan sisa industri, kumbahan, perternakan, kegiatan premis komersial seperti restoran, pusat basuh kereta, pasar basah dan aktiviti kerja tanah di sekitar kawasan terbabit.

Pengawasan kualiti air sungai dilaksanakan JAS menerusi program pengawasan kualiti alam sekitar pada 2017 sehingga kini mendapati sungai yang dinyatakan, berada dalam kelas IV (sesuai untuk pengiran) dan V (air tidak dapat dimanfaatkan).

“Kualiti air sungai ini disebabkan bahan pencemar organik. Isu sama berulang, berpunca daripada kurangnya kesedaran orang awam yang menjadikan sungai tempat mudah untuk membuang tayar dan plastik.

“Oleh itu, program kesedaran dan tanggungjawab bersama secara berterusan perlu dipertingkatkan, manakala pelaku yang membuat sampah seperti tayar dan plastik diambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan perundangan berkaitan,” katanya.

Beliau juga mengesahkan 16 sungai terbabit tidak digunakan sebagai sumber air terawat bagi kegunaan domestik.

Ditanya sama ada keadaan sungai berkenaan bakal mengundang risiko kepupusan atau ancaman hidupan marin di Selat Johor, Norlin berkata, kajian saintifik perlu dijalankan bagi mengenal pasti potensi pencemaran.

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELAS)

16 sungai nazak

Selat Johor perlu kaedah pemulihan semula jadi

Tambak punca air bertakung didakwa sukarkan proses

Oleh Mohamed Farid Noh,
Mohd Fahmi Mohd Yusof dan
Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Pencemaran kritisik yang membengelu Selat Johor sehingga hidupan marin di perairan itu hampir pupus, mengundang persoalan sama ada Tambak Johor perlu diroboh bagi memulihkan semula keadaan selat berkenaan.

Struktur berkenaan dikatakan menjadikan aliran air Selat Johor bertakung serta tidak mengalir, hanya berharap pada air pasang dan surut, sekali gus menghalang pemulihan semula-

jadi pencemaran selat terbabit.

Ketika diajukan pendapat terbabit, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, mengakui bahawa pencemaran yang tinggi di selat itu memerlukan mekanisme pemulihan semula jadi, terutama menerusi aliran air tanpa sekat.

"Antara punca utama pencemaran Selat Johor adalah dari sungai yang mengalir terus ke situ apabila bermacam jenis pencemaran termasuk sisa kumbahan, industri serta larutan resapan tapak pelupusan sampah haram berpadu mengalir ke muara sungai dan ke Selat Johor."

"Ia menyebabkan air berwarna hitam dan busuk, diburukkan dengan beban pencemaran yang tinggi. Aspek pemulihan semula jadi yang sepatutnya boleh memulihkan selat pula terhalang dengan Tambak Johor."

"Dalam ekosistem, ada pemulihan semula jadi terhadap aliran



Wan Abdul Latiff Wan Jaafar

air, tetapi tidak di Selat Johor yang dihalang Tambak Johor," katanya kepada BH, semalam.

BH dalam laporan muka depannya semalam, mendedahkan tahap pencemaran sekurang-kurangnya 16 sungai yang mengalir melalui daerah ini dan Pasir Gudang dikesan semakin kritisik dan dikatakan gagal ditangani dengan berkesan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Malah, ada sungai pada tahap

nazak dengan dipenuhi sampah-sarap daripada sekecil-kecil plastik sehingga tayar terpakai dan membentuk pulau kecil yang menyebabkan air sungai menjadi hitam pekat serta mengeluarkan bau busuk yang meloyakan.

Ditanya sama ada Tambak Johor perlu diroboh bagi membolehkan pemulihan Selat Johor berjalan secara semula jadi, Wan Abdul Latiff berkata, beliau bukan individu paling layak untuk menyatakan sedemikian.

"Tambak Johor memang menyebabkan aliran air Selat Johor bertakung, tidak mengalir sehingga tiada proses pemulihan semula jadi, namun perlu juga dilihat beban pencemaran sedia ada di situ."

"Jika beban pencemaran terus tinggi tanpa dikawal, walau Tambak Johor diroboh atau dibuka pun, pemulihan semula jadi tidak mampu berlaku dan memulihkan selat berkenaan. Namun, JAS yakini Selat Johor mampu dipulihkan." katanya.

LAMPIRAN 6
UTUSAN MALAYSIA (KOTA): MUKA SURAT 46
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

8,936 aduan Meter Pintar di Melaka

MELAKA 22 Julai - Sebanyak 8,936 aduan dibangkitkan rakyat negeri ini kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung isu penggunaan Meter Pintar sepanjang Mei dan Jun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Mohd. Sofi Abdul Wahab berkata, daripada jumlah aduan berkenaan, 4,932 aduan telah berjaya diselesaikan oleh syarikat utiliti itu sepanjang tempoh tersebut.

Menurutnya, Melaka Tengah mencatatkan jumlah aduan tertinggi dengan 6,970 aduan bagi tempoh Mei hingga Jun diikuti Jasin (609 aduan); Alor Gajah (586 aduan); Masjid Tanah (384 aduan) dan Merlimau (387 aduan).

"Ketua Menteri, Adly Zahari sudah memanggil TNB memberi penjelasan berkenaan isu itu pada 10 Mei lalu, di mana TNB sudah memberi jaminan untuk menyelesaikan segala aduan mengikut garis panduan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

"Selain kerajaan negeri, isu ini turut dipantau oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Suruhanjaya Tenaga."

"Hasil daripada perjumpaan itu, TNB sudah mengadakan program Hari Bersama Pelanggan di seluruh pejabat TNB negeri pada 28 hingga 31 Mei lalu. Kaunter khas aduan difahamkan masih lagi dibuka hingga hari ini," katanya.

Mohd. Sofi (PH-Durian Tunggal) berkata demikian

"Selain kerajaan negeri, isu ini turut dipantau oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Suruhanjaya Tenaga."

**MOHD. SOFI
ABDUL WAHAB**



**MOHD. SOFI
ABDUL WAHAB**

bagi menjawab soalan lisan Seah Shoo Chin (PH-Kesidang) mengenai senarai aduan awam mengenai Meter Pintar TNB termasuk mengikut daerah dan status penyelesaian pada Persidangan Kedua Penggal Kedua, Dewan Undan-

gan Negeri Melaka Ke-14 di Seri Negeri, di sini.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Idris Haron (BN-Sungai Udang) yang mempersoalkan 'kepintaran' meter itu sehingga membebankan pengguna, Mohd. Sofi berkata, TNB mengambil maklum pelbagai aduan dibangkitkan pengguna bagi meningkatkan mutu perkhidmatan syarikat utiliti elektrik tersebut.

"TNB akan terus memperluaskan maklumat berhubung penggunaan elektrik secara berhemah malah saya difahamkan jumlah aduan semakin berkurang selepas pengguna mendapat pemahaman lanjut," ujarnya.

LAMPIRAN 7
NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 64
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

SOCIAL COST

IMPOSE HIGH POLLUTION TAX ON FIRMS

PROTECTING the environment is everyone's responsibility. There have been many issues related to environmental management, like the illegal import of plastic waste.

In May, the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry reported that 450 metric tonnes of plastic waste would be returned to its original source, including Australia, the United States, Canada, Saudi Arabia, Japan, China and Bangladesh.

In March, Sungai Kim Kim in Johor was declared unsafe because it was contaminated with chemical waste disposed of by factories.

And just recently, the gas pollution in Pasir Gudang, Johor.

Economists classify pollution as an example of market failure due to negative externality.

Market failure exists when the market does not efficiently allocate resources that can balance social cost and benefits. Social cost is the total cost to society, and this includes the private and external costs.

In the case of Pasir Gudang and other similar cases, the social costs are the private costs incurred by firms that disposed of the toxic waste and the cost incurred by society due to the pollution.

The rationale is that individuals will consider only their private costs.

The firms that disposed of the chemicals into Sungai Kim Kim is an example of rational choice theory in which they only considered the private costs, but they did not consider the impact of external costs to society.

This led to the environmental pollution, which caused society



Emergency personnel cleaning up Sungai Kim Kim in March. EPA-EFE PIC

to incur costs not created by them.

The social costs include medical costs, costs of not being able to go to work or school as well as the cost to restore the ecosystem. This is what it means by poor waste management.

There are strategies to mitigate and conserve the environment and these have been formulated to create society's awareness about protecting the natural resources and environment.

For instance, the 3R campaign (reduce, reuse, recycle) was launched so that the public is aware of the importance of protecting the environment.

In the same token, the government introduced the Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP), MeSTI (food hy-

giene certification), and Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP) for the management of sustainable practices for different industries.

One way to minimise the impact of negative externality is by internalising the externalities.

Market-based instruments, such as imposing taxes on polluters, might need to be considered to reduce or eliminate negative environmental externalities.

Taxes can create incentives and flexibility for firms to reduce pollution. Taxes should be imposed on companies based on the quantity of pollution emitted by them.

Companies that want to avoid being taxed will reduce emissions as long as the marginal cost

is less than the taxes. Therefore, the pollution tax should be set high enough to encourage firms to reduce pollution.

Hence, educating society about the importance of a clean environment needs to be boosted as protecting the environment is everyone's responsibility.

For the polluters of Sungai Kim Kim and Pasir Gudang, stern action must be meted out. They must also be called upon to provide compensation to victims.

The Department of Environment and other agencies must regularly inspect factories to ensure they abide by regulations.

DR NURUL NADIA RAMLI

Department of Agribusiness and Bioresource Economics, Faculty of Agriculture, Universiti Putra Malaysia

LAMPIRAN 8

HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 20

TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

Pertimbang nasihat pakar luar cari penyelesaian

Ishkandar Puteri: Kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan mendapatkan khidmat nasihat pakar luar bagi mencari jalan penyelesaian jangka panjang yang membabitkan isu pencemaran udara di Pasir Gudang.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi Johor, Aminolhuda Hassan berkata, perkara itu dibincangkan secara serius pada mesyuarat mingguan exco minggu lalu.

Bagaimanapun, katanya tiada sebarang keputusan dibuat mengenai perkara itu sebaliknya ia memerlukan kajian sebelum dilaksanakan.

"Buat masa ini belum ada ketetapan akhir termasuk isu perubahan landskap dan perpindahan penduduk di

Pasir Gudang), namun pelbagai pandangan diterima.

"Jika nak buat begitu (berkaitan perubahan), kita bukan saja menggunakan khidmat pakar dalam negara, tetapi (paket) huar negara bagi memberikan pandangan terbaik," katanya selepas menyaksikan Majlis Anugerah Bandar Pintar Asia Pasifik (SCAPA) kepada Forest City bagi lima tahun berturut-turut.

Aminolhuda berkata, langkah membawa pakar luar juga membolehkan kajian seterusnya dilaksanakan.

Menurutnya, hasil kajian mereka (paket) mungkin ada perkara boleh dibuat.

"Bukan saja dari segi penjadualan sisa tetapi pengaruhnya semua agensi," katanya.

Bawa kaunselor jumpa mangsa

Ishkandar Puteri: Kerajaan negeri terus memantau perkembangan terkini membabitkan isu kesihatan pelajar yang terkesan akibat pencemaran udara di Pasir Gudang termasuk menggunakan pakar kaunseling di kawasan terjejas.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi Johor, Aminolhuda Hassan berkata, pihaknya sedang membawa kaunselor dalam siri lawatan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort hari ini.

"Saya akan melawat dan duduk lama sikit di SK Tanjung Puteri Resort untuk melihat keadaan terkini dan situasi sekolah yang terjejas akibat isu berkenaan.

"Kami bawa bersama kaunselor dari beberapa tempat dan khidmat mereka diperlukan bagi melihat keadaan pelajar yang pernah kena (berdepan isu kesihatan akibat pencemaran)," katanya pada Majlis Anugerah Bandar Pintar Asia Pasifik (SCPA) kepada Forest City di hotel di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mahu kaunselor berkenaan menemuramah secara langsung pelajar terbabit dan bertanya apa berlaku.

Mengulas isu kesihatan pelajar yang masih berulang termasuk simptom pening, loya dan muntah, Aminolhuda berkata, ia tidak serius seperti insiden pencemaran



“

Setiap hari ada (pelajar loya, pening dan muntah), tapi kalau kita lihat dari segi peratus yang kena satu hingga lima orang bagi sebuah sekolah”

Aminolhuda

Sungai Kim Kim, Mac lalu. "Setiap hari ada (pelajar loya, pening dan muntah), tapi kalau kita lihat dari segi peratus yang kena satu hingga lima orang bagi sebuah sekolah."

"Jadi ia macam orang sakit. Orang pergi klinik dan hospital, macam orang biasa kena demam, batuk, muntah dan sebagainya."

"Tapi kalau ramai yang kena baru kita anggap perlu serius," katanya se-

Sembilan kes baharu dilapor

■ Murid, guru sesak nafas akibat bau busuk hanya diberi rawatan pesakit luar



KEJADIAN terbaru sesak nafas babitkan empat sekolah.

BAYU BERACUN BERULANG

Mohd Hilmie Hussin
mohdilmie@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Sembilan kes baharu sesak nafas dikesan di Pasir Gudang, Johor kelmarin membabitkan empat sekolah.

Lapan murid dan seorang guru terbabit bagaimanapun hanya dirawat sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Pasir Gudang.

Menteri Kesihatan Darul Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sembilan kes itu membabitkan tiga lelaki dan enam perempuan.

"Tiada kertas ditahat di wad. Mereka terbabit bau busuk dan bau bahan terbakar di waktu pagi," katanya se-

lepas merasmikan program Neuropsychiatry Masterclass 2019 di sini, semalam.

Menurutnya, mangsa terbabit ialah tiga murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, SK Kopok (dua murid), SK Taman Rinting 3 (dua murid, satu guru) serta Sekolah Me-

nengah Kebangsaan Pasir Gudang 2 (satu pelajar).

Menurutnya, setakat ini hanya sembilan kes terbabit direkodkan sehingga jam 12 tengah malam kelmarin.

Katanya, sindrom serangan panik seperti simptom pening dan sesak nafas juga boleh berlaku bila-bila masa

menandangkan ada 250 kilang kimia dan 2,500 kilang industri di Pasir Gudang.

"Kalau ini punca terestinya pelbagai (kes kesihatan), itu sangat kita fahami dan pakar psikiatri kita tahu ini boleh mencegahkan sindrom serangan panik berulang," katanya.

JAS gempur kilang setiap hari

Johor Bahru: Sebanyak 257 premis industri di pasir Gudang diserbu dan diperiksa secara intensif oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak 21 Jun lalu.

Pengarah JAS Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar berkata, operasi membabitkan anggota dari JAS Ibu Pejabat dan JAS Johor turut mengeluarkan kompaun terhadap 132 kilang atas pelbagai kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeling 1974.

"Tiga kertas siasatan dibuka untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya, manakala 59 Notis Arah dan 11 Perintah Tahan Operasi sudah dikeluarkan.

"Dua pasukan dikerahkan mereruskan ope-

rasi menggempur premis kilang setiap hari selain operasi bersepadu membabitkan pelbagai agensi," katanya.

Menurutnya, 18 kilang haram dikesan beroperasi di kawasan itu.

Katanya, berdasarkan maklumat Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Pejabat Tanah Johor Bahru membawa kepada penemuan kilang haram yang beroperasi di Pasir Gudang.

"Buat masa ini, JAS Johor memeriksa secara intensif tiga daripada kilang haram itu dan mereka diarahkan tutup.

"Sebanyak 15 lagi bakal diambil tindakan oleh MPPG dan Pejabat Tanah Johor Bahru kerana mendirikan kilang di rizab tanah kerajaan," katanya.

LAMPIRAN 9
HARIAN METRO (TENGAH): MUKA SURAT 27
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

Jalan dekat tol Rawang tenggelam

Rawang: Hujan lebat selama tiga jam mengakibatkan beberapa jalan berhampiran simpang Plaza Tol Rawang menuju Jalan Batu Arang, ditenggelami air, semalam.

Hujan bermula jam 1 tengah hari itu menyebabkan air naik setinggi 0.5 meter di kawasan berkenaan.

Pekerja swasta, Amirul Amri mendakwa kejadian diper-cayaai berlaku disebabkan Sungai Gong berhampiran tidak mampu menampung kapasiti air.

Katanya, ia mengakibatkan air sungai melimpah ke jalan raya dan mengundang banjir di sekitar kawasan itu.

“Lebih memburukkan, apabila sekitar kawasan ini penuh dengan projek pembangunan baharu di mana mereka tidak menyediakan tempat tahanan air hujan.

“Keadaan itu mengakibatkan kawasan jalan mudah dinaiki air, sekali gus berlaku banjir kilat jika hujan lebat berpanjangan,” katanya.


FAKTA
Air mula surut
kira-kira jam
4 petang



HUJAN lebat menyebabkan banjir lumpur dari Jalan Batu Arang mengalir ke Plaza Tol Rawang.

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Rawang berkata, pihaknya menerima panggilan jam 3.10 petang sebelum mengerahkan sebuah jentera bersama lapan anggota ke lokasi.

“Kami hanya melakukan pemantauan dan air mula surut kira-kira jam 4 petang (semalam). Tiada mangsa berhubung kejadian,” katanya.



LAMPIRAN 10
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

Nelayan terjejas kupang semakin pupus

Pasir Gudang: Kekurangan hasil laut, terutama kupang di beberapa sungai yang berhubung dengan Selat Johor di sini, kini kritikal dan semakin sukar diperoleh setiap tahun sehingga menjelaskan pendapatan nelayan.

Difahamkan, hasil laut menu run sehingga 80 peratus diper cayai akibat keadaan sungai dan Selat Johor yang semakin kotor dan tercemar sehingga ada nelayan terpaksa keluar dari kawasan perairan itu untuk memastikan mata pencarian tidak putus.

Ketua Komuniti Nelayan Plentong, Mahadir Md Zain, 60, berkata paling ketara adalah kupang yang dilihat semakin berkurangan dan keadaan diburukkan lagi dengan kehadiran spesies kupang hitam yang mengancam populasi kupang biasa atau kupang hijau.

"Tiga hingga empat tahun kebelakangan, ancaman kupang hitam semakin berleluasa di sepanjang Selat Johor termasuk sungai berhampiran. Kupang hijau memang tidak boleh hidup di kawasan ada kupang hitam yang turut merosakkan spesies kupang yang lain.

"Keadaan ini memang menjaskan sumber kupang hijau. Tahun ini, tiga musim sudah berlalu, tiada langsung benih



Mahadir menunjuk perbezaan kupang hitam (kanan) yang mengancam populasi kupang hijau di sepanjang sungai dan perairan Selat Johor.

[Foto Mohd Fahmi Mohd Yusof/BH]

kupang terhasil," katanya sambil menambah, sejak 2000 lagi, pengurangan hasil kupang di kawasan perairan itu memang ketara.

"Apabila menjaring, hanya plastik (sampah) melekat, bawangkan plastik sudah berkumpul di dasar sungai dan keadaan memang semakin teruk. Kalau Sungai Tebrau surut, airnya memang hitam dan busuk. Bila air pasang, banyak timbunan sam-

pah dan plastik di permukaan sungai," katanya.

Mahadir berkata, berdasarkan pengalamannya melalui perairan itu, keadaan Selat Johor dari Sungai Tebrau hingga Teluk Jawa memang kotor; sekali gus memerlukan tindakan lebih serius dan berterusan bagi memulihkannya.

"Sultan Johor sudah beberapa kali ke sini dan bertitah mahu ia dibersihkan, namun masih lagi ko-

tor. Memang kami faham, kos tinggi diperlukan untuk tujuan itu, tetapi jika mahu bersihkan sungai di sini, kami cadang tangani dulu isu setinggan di sepanjang Sungai Tebrau," katanya.

Nelayan Kampung Plentong Tengah, Mokhtar Gembur, 64, berkata ancaman kupang hitam semakin kritikal dan setiap kali mahu menaikkan kerang, antara 30 hingga 50 kilogram kupang hitam dikumpul.



LAMPIRAN 11
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 13
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

Teknologi Hijau Dalam Kehidupan

PENGHASILAN KERTAS DARIPADA SERAT BATANG PISANG

TAHUKAH ANDA
Sisa daripada batang pisang berupaya menghasilkan sekeping kertas.

cetree.usm.my

Teknologi Hijau amat mudah diaplikasi dalam kehidupan sehari-hari kita. Kurikulum pembelajaran tentang Teknologi Hijau telah dibangunkan dan akan diperkenalkan kepada pelajar sekolah menengah bermula tahun 2020.

MINISTERI PENDIDIKAN, SAINS, TECNOLOGI, ISLAM SERTAK DAN PENGEMBANGAN BERSAMA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
VERDANT GREEN
RE

LAMPIRAN 12
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

Pencemaran udara di Pasir Gudang

8 pelajar, guru sesak nafas terhadu bau busuk

Semua mangsa dirawat sebagai pesakit luar

Oleh Mohamed Farid Noh dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Sembilan kes baru gejala sesak nafas membabitkan lapan pelajar dan seorang guru di Pasir Gudang, Johor dilaporkan sehingga jam 12 tengah malam kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kes membaikkan tiga pesakit lelaki dan enam perempuan itu bagaimanapun hanya dirawat sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Pasir Gudang.

"Mereka dikatakan terhadu bau busuk dan bau bahan terbakar pada waktu pagi," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Neuropsychiatry Masterclass 2019 di sini, semalam.

Katanya, pelajar berkenaan adalah tiga dari Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, SK Kopok (2), SK Taman Rinting 3 (2) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang 2 (1), manakala guru itu dari SK Taman Rinting 3.

Dr Dzulkefly berkata, ada 2,500 kilang di Pasir Gudang dengan



Dr Dzulkefly merasmikan program Neuropsychiatry Masterclass 2019, di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

250 adalah kilang kimia, yang mungkin menjadi punca gejala sesak nafas itu.

Sementara itu, beliau berkata, negara kini mempunyai 3,300 pakar psikiatri dalam sektor awam, namun hanya empat pakar bagi bidang neuropsikiatri, sedangkan bilangan pesakit semakin meningkat.

Di Johor Bahru, Pengarah Kesihatan Johor, Dr Selahuddeen Abd Aziz ketika dihubungi BH semalam, berkata lapan pelajar dan seorang guru itu menunjukkan gejala gangguan kesihatan berbeza dan berlainan antara mereka.

"Kami memantau terperinci

kelainan kesihatan setiap mangsa bagi mengenal pasti punca sebenar gangguan kesihatan dihadapi. Ada mangsa menyatakan mereka terhadu sesuatu sehingga kesihatan terganggu, ada yang mendakwa mereka tidak terbau apa-apa.

"Ini menyebabkan pasukan kesihatan tidak dapat mengaitkannya terhadap satu punca khusus, sebaliknya melihat secara menyeluruh semua faktor yang menyebabkan gangguan kesihatan dalam sembilan kes semalam (kelmarin)," katanya.

Ditanya sama ada Jabatan Kesihatan Johor turut melihat aspek kesan psikologi pencemaran

berulang terhadap mangsa, Dr Selahuddeen berkata, semua aspek dilihat bagi merawat kelainan kesihatan setiap mangsa.

"Memang berlaku keresahan jika tinggal di kawasan yang dilaporkan berlaku pencemaran, namun untuk mengatakan mangsa mengalami kesan psikologi daripada persekitaran sehingga dilanda gangguan kesihatan, ia memerlukan pemeriksaan holistik untuk dibuktikan."

"Jabatan Kesihatan melihat semua aspek kesihatan secara holistik bagi merawat, bukan sahaja mangsa baharu semalam (kelmarin), malah semua pesakit yang dirujuk kepada kami," katanya.

LAMPIRAN 13
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

Kerajaan negeri dijangka guna khidmat pakar dalam, luar negara

Iskandar Puteri: Kerajaan Johor tidak menolak kemungkinan mendapatkan khidmat pakar dalam dan luar negara bagi mencari jalan penyelesaian jangka panjang terhadap isu pencemaran udara di Pasir Gudang.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi negeri, Aminolhuda Hassan, berkata ia termasuk mengkaji dan menilai kedudukan Pasir Gudang secara holistik dalam usaha mencari penyelesaian terbaik untuk semua pihak di kawasan itu.

"Dalam hal ini, kerajaan negeri menyemak satu-satu perkara yang menjadi keutamaan. Kami tengok dari semuanya sudut, dari segi pembinaan landskap dan segalanya supaya kami dapat penyelesaian terbaik untuk semua," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai penempatan semula penduduk Pasir Gudang dan industri di kawasan itu, beliau berkata, kerajaan perlu memanggil pakar dari dalam dan luar negara untuk memberi pandangan paling baik dan ia akan mengambil masa.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis penyampaian International Data Corporation (IDC) Smart City Asia Pacific Award di Forest City Phoenix Hotel, di sini semalam.

Katanya, kerajaan negeri mengambil berat isu di Pasir Gudang dan akan sentiasa memantau perkembangan di sekolah demi keselamatan pelajar dan penduduk di sana.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengarah Jabatan Alam Sekitar negeri Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata pihaknya dalam proses susulan dengan wakil industri bagi memastikan pembekalan alat pengesan gas 'volatile organic compounds' (VOC) kepada sekolah terbabit.

"Sehingga kini, 53 kilang ber-setuju membekalkan alat itu," katanya ketika dihubungi.

BERNAMA


 *Ia termasuk mengkaji dan menilai kedudukan Pasir Gudang secara holistik dalam usaha mencari penyelesaian terbaik untuk semua pihak di kawasan itu.*

*Aminolhuda Hassan,
Pengerusi Jawatankuasa
Pendidikan, Sumber Manusia,
Sains dan Teknologi negeri*

LAMPIRAN 14
HARIAN METRO (EKSTRA): MUKA SURAT 44
TARIKH: 23 JULAI 2019 (SELASA)

ROBOT MAHIR KERJA RUMAH

Kini berkhidmat di pusat beli-belah, pejabat kerajaan di Singapura



PELANCARAN robot 'mesra' dalam satu majlis, baru-baru ini.

Ratusan robot yang mahir bertutur dalam beberapa bahasa dan menyanyi kini berkhidmat di hotel, pusat beli-belah dan pejabat kerajaan negara itu.

Robot berkenaan dicipta syarikat tempatan LionsBot yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin, Tamil, Jepun serta 'Singlish' iaitu gelaran diberikan kepada bahasa slangan tempatan penduduk Singapura.

Menurut South China Morning Post, robot ini disewa pada harga AS\$1,000 (RM4,107) sebulan dan LionsBot menyasarkan 300 unit menjelang Mac tahun depan.

Bukan setakat menghiburkan pengguna dengan menyanyi Rap dalam Inggeris, robot terbabit mahir membuat kerja rumah seperti membersih, mengelap, vakum dan menyapu lantai.

Ia dicipta bagi membantu menampung masalah kekurangan pekerja di Singapura yang mempunyai 5.6 juta penduduk.

Menariknya, peranti berkenaan dihasilkan dalam 13 jenis model turut pandai

membuat lawak atau meminta laluan daripada orang yang menghalang laluan mereka.


Pengguna boleh mendapatkan maklum balas daripada robot dengan menekan butang 'hati' atau menggunakan aplikasi untuk bertanya khabar atau hobinya.

Ketua Pegawai Eksekutif LionsBot, Dylan Ng berkata, syarikat itu muh menghasilkan robot yang mesra, boleh mengingati nama pengguna dan bertegur sapa.


Ng menegaskan robot terbabit bukan bertujuan menggantikan pekerja pembersihan dan sekadar berfungsi sebagai pembantu.

Setakat ini, LionsBot sudah menandatangani perjanjian dengan enam syarikat pembersihan dan robot ditempat akan dibekalkan secara berperingkat.

Robot berkenaan sudah memulakan perkhidmatannya di kompleks beli-belah dan hiburan baru Lapangan Terbang Changi, sebuah galeri seni, pusat peranginan dan bangunan pejabat.



ROBOT membantu membersihkan kawasan.



LAPANGAN Terbang Changi antara tempat yang menggunakan robot berkenaan.